

**GARIS PANDUAN
FOOD SAFETY
TRAINING
FOR AUDITOR
UNDER ACB-HACCP/
GMP SCHEME
STANDARDS MALAYSIA**



**BAHAGIAN
KESELAMATAN DAN
KUALITI MAKANAN
KEMENTERIAN KESIHATAN
MALAYSIA**

**MAC 2018
(REV. 1)**

KANDUNGAN

Pengenalan	2
Objektif	2
Skop	2
Definisi	2
Kriteria Permohonan	3
Pelaksanaan Latihan Keselamatan Makanan	3
SiJil Latihan Keselamatan Makanan dan Tempoh Sah Laku	5
Pembaruan SiJil	5
Pembatalan SiJil	5
Pemantauan	5
Tawaran Latihan Keselamatan Makanan	6
Bayaran	7
Pertanyaan	7
Rujukan	8
Lampiran	9

1. PENGENALAN

Skim Akreditasi Badan Pensijilan (ACB Scheme) – *Hazard Analysis and Critical Control Points (HACCP)/ Good Manufacturing Practice (GMP)* di bawah Jabatan Standard Malaysia memperuntukkan bahawa badan pensijilan perlu memastikan juruaudit telah menghadiri latihan keselamatan makanan yang diberikan oleh tenaga pengajar yang diiktiraf Kementerian Kesihatan Malaysia (Klausu 3.2.3, *Scheme for the Accreditation of Certification Bodies, Department of Standards Malaysia, 2013*).

Sehubungan itu, *Food Safety Training for Auditor Under ACB-HACCP/ GMP Scheme* diperkenalkan bagi memenuhi keperluan skim ACB tersebut. Skim latihan keselamatan ini merangkumi dua (2) komponen iaitu kursus dan peperiksaan. Sijil latihan keselamatan makanan hanya akan diberikan kepada peserta yang telah lulus peperiksaan.

2. OBJEKTIF

- 2.1 Mengukur tahap pengetahuan, kefahaman dan kemahiran seseorang juruaudit dengan lebih objektif mengenai keperluan perundangan makanan dan pengauditan HACCP/ GMP.
- 2.2 Mengurangkan jurang (*gap*) perbezaan pemahaman mengenai keperluan perundangan makanan dan HACCP/ GMP di kalangan juruaudit badan pensijilan.

3. SKOP

Skim latihan ini ditawarkan kepada mana-mana individu yang ingin menjadi juruaudit di bawah skim ACB-HACCP/ GMP.

4. DEFINISI

Bagi tujuan garis panduan ini, terminologi di bawah membawa maksud seperti berikut:

4.1 Juruaudit

Individu yang telah dilantik secara formal menjadi juruaudit HACCP/ GMP.

4.2 Sijil *Food Safety Training for Auditor Under ACB-HACCP/ GMP Scheme*

Sijil yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia kepada individu yang telah menghadiri kursus dan lulus peperiksaan latihan keselamatan makanan untuk juruaudit di bawah skim ACB – HACCP/ GMP.

4.2 Akreditasi badan pensijilan (ACB)- HACCP/ GMP

Pengiktirafan rasmi dari Jabatan Standard Malaysia yang melibatkan pihak yang bertanggungjawab memberi pensijilan HACCP/ GMP kepada industri makanan.

5. KRITERIA PERMOHONAN

Individu yang memohon skim latihan keselamatan makanan ini hendaklah:

- 5.1 Berkhidmat dengan mana-mana badan pensijilan HACCP/ GMP yang diakreditasi oleh Jabatan Standard Malaysia; atau
- 5.2 Mempunyai kelulusan dalam bidang yang berkaitan dengan teknologi makanan, sains makanan dan lain-lain bidang yang berkaitan dengan pengajian keselamatan makanan.

6. PELAKSANAAN LATIHAN KESELAMATAN MAKANAN

6.1 Latihan dijalankan seperti agenda di Lampiran-A. Carta alir pelaksanaan latihan adalah seperti di Lampiran- B.

6.2 Latihan keselamatan makanan terdiri daripada dua komponen iaitu kursus dan peperiksaan.

6.3 Kursus

6.3.1 Tempoh kursus adalah selama tiga (3) hari.

6.3.2 Kehadiran kursus hendaklah sekurang- kurangnya 80% daripada tempoh kursus bagi melayakkan juruaudit menduduki peperiksaan.

6.3.3 Kursus akan diberikan oleh tenaga pengajar yang dilantik oleh Kementerian Kesihatan.

6.3.4 Kandungan kursus terdiri daripada dua komponen iaitu perundangan makanan dan elemen HACCP/ GMP.

6.4 Peperiksaan

6.4.1 Di akhir latihan semua peserta diwajibkan menduduki peperiksaan bagi menguji kefahaman ke atas kandungan latihan.

6.4.2 Soalan peperiksaan adalah berbentuk subjektif atau; dan objektif. Kertas soalan mengandungi dua (2) bahagian iaitu perundangan makanan dan elemen HACCP/ GMP.

6.4.3 Peperiksaan HACCP menggunakan kod HACCP/ 01/ xxxx (tahun) manakala peperiksaan GMP menggunakan kod GMP/ 01/ xxxx (tahun).

6.4.4 Peperiksaan adalah dalam bentuk *open-booked-test*. Calon dibenarkan untuk merujuk nota kursus atau sumber *internet*, namun perbincangan antara calon adalah di larang.

6.4.5 Setiap calon akan diberikan satu angka giliran yang akan digunakan sebagai rujukan peperiksaan.

6.4.6 Peserta perlu mengisi Borang Aku Janji - Lampiran (F) yang akan diedarkan sebelum peperiksaan dijalankan.

6.4.7 Keputusan ujian peperiksaan akan dimaklumkan kepada calon dalam tempoh tiga (3) bulan daripada tarikh peperiksaan diadakan.

6.4.8 Keputusan peperiksaan adalah muktamad. Sebarang rayuan atau permohonan penandaan semula kertas jawapan tidak dibenarkan.

6.4.9 Sijil latihan keselamatan makanan hanya dikeluarkan kepada calon yang lulus peperiksaan tersebut sahaja.

6.5 Pengulangan Peperiksaan

6.5.1 Calon yang gagal peperiksaan pertama kali dibenarkan untuk mengulang peperiksaan sahaja (tidak perlu menghadiri kursus) atau boleh juga menghadiri semula kursus dan menduduki peperiksaan.

- 6.5.2 Calon yang gagal peperiksaan lebih daripada dua (2) kali dikehendaki menghadiri semula kursus dan menduduki peperiksaan.
- 6.5.3 Borang Permohonan Peperiksaan Ulangan adalah seperti di Lampiran (E).
- 6.5.4 Peperiksaan ulangan adalah menggunakan kod HACCP/ 02/ xxxx (tahun) atau GMP/ 02 xxxx (tahun).

6 SIJIL FOOD SAFETY TRAINING FOR AUDITOR UNDER ACB-HACCP/ GMP SCHEME DAN TEMPOH SAH LAKU

- 7.1 Tempoh sah laku sijil latihan keselamatan makanan adalah tiga (3) tahun.
- 7.2 Sijil latihan keselamatan makanan tidak boleh berpindah milik.

8. PEMBAHARUAN SIJIL

- 8.1 Permohonan pembaharuan sijil hendaklah dibuat tiga (3) bulan sebelum tamat tempoh sah laku sijil. Borang Permohonan Pembaharuan Sijil adalah seperti di Lampiran (D).
- 8.2 Syarat lulus pembaharuan adalah juruaudit perlu menjalankan audit sekurang-kurangnya tiga (3) kali dalam tempoh sahlaku sijil.
- 8.3 Carta alir pembaharuan sijil adalah seperti di Lampiran (C).

9. PEMBATALAN SIJIL FOOD SAFETY TRAINING FOR AUDITOR UNDER ACB-HACCP/ GMP SCHEME

Sijil latihan keselamatan makanan tidak lagi sahlaku sekiranya:

- 9.1 Juruaudit tidak memperbaharui sijil tersebut; atau
- 9.2 Juruaudit tidak menjalankan audit dalam tempoh tiga (3) tahun

10. PEMANTAUAN

- 10.1 Pemantauan akan dijalankan sekurang-kurangnya sekali setahun atau mengikut keperluan.

- 10.2 Pemantauan akan dijalankan oleh pihak BKKM dengan kerjasama pihak Jabatan Standard Malaysia.
- 10.3 Surat/ sijil pembaharuan latihan keselamatan makanan akan dikeluarkan oleh BKKM kepada juruaudit dengan salinan kepada Jabatan Standard Malaysia, Jabatan Kesihatan Negeri dan Pejabat Kesihatan Daerah.

11. TAWARAN *FOOD SAFETY TRAINING FOR AUDITOR UNDER ACB-HACCP/GMP SCHEME*

- 11.1 Hebahan dan tawaran latihan akan dijalankan oleh *International Food Safety Training Centre (IFSTC), Malaysia* di bawah Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan, Kementerian Kesihatan dan akan diklankan oleh IFSTC Malaysia di laman sesawang www.fsq.moh.gov.my.
- 11.2 Latihan akan dilaksanakan sekurang-kurangnya satu (1) kali setahun tertakluk kepada bilangan calon yang memohon untuk menghadiri latihan tersebut.

12. PERMOHONAN

- 12.1 Pemohon yang berminat perlu mengisi borang pendaftaran yang terdapat dalam iklan tawaran latihan dan mengemukakan borang yang telah lengkap diisi kepada pihak IFSTC Malaysia melalui emel di ifstc@moh.gov.my.
- 12.2 Pemohon yang berjaya akan menerima surat jemputan latihan oleh IFSTC Malaysia.
- 12.3 Bayaran yuran pendaftaran latihan boleh dibuat melalui bank draf/ kiriman wang/ wang pos seperti yang dinyatakan dalam surat jemputan latihan.
- 12.4 Semua pembayaran perlu diterima oleh IFSTC Malaysia sebelum latihan berlangsung.
- 12.5 Yuran pendaftaran merangkumi bahan latihan dan makan minum sepanjang latihan berlangsung.
- 12.6 Yuran pendaftaran tidak akan dikembalikan sekiranya pembatalan dibuat selepas pembayaran.

- 12.7 Penyertaan adalah berdasarkan “*First Come, First Serve Basis*”.
- 12.8 Yuran pendaftaran adalah “*Human Resources Development Fund (HRDF) Claimable*”.*

13. BAYARAN LATIHAN KESELAMATAN MAKANAN

13.1 Latihan keselamatan makanan akan dikenakan bayaran seperti berikut:

BIL	PERKARA	BAYARAN (RM)
1	Latihan keselamatan makanan juruaudit ACB HACCP/ GMP (kursus + yuran peperiksaan)	RM 1,610.00
2	Yuran peperiksaan (untuk ulangan sahaja tanpa menghadiri kursus)	RM 140.00
3	Pembaharuan sijil latihan keselamatan makanan	RM 150.00 (3 tahun)

13.2 Bayaran perlu dikemukakan bersama-sama dengan permohonan mengikuti latihan keselamatan makanan, borang permohonan peperiksaan ulangan atau pembaharuan sijil (mana yang berkaitan).

14. PERTANYAAN

Untuk sebarang pertanyaan dan maklumat lanjut pemohon boleh menghubungi :

Bil.	Bahagian/ Jabatan/ Pejabat/ Alamat	No.Telefon/ Laman web
1	Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan Kementerian Kesihatan Malaysia Aras 4, Menara Prisma No.26, Jalan Persiaran Perdana Presint 3, 62675 Putrajaya	No. Tel : 03-8885 0797 No. Faks : 03-8885 0790 Laman web : http://fsq.moh.gov.my

RUJUKAN

- i. Akta Makanan 1983 & Peraturan-Peraturan Makanan 1985
- ii. *Scheme for the Accreditation of Certification Bodies-ACB –HACCP, Standards Malaysia, 2013*
- iii. *Scheme for the Accreditation of Certification Bodies-ACB –GMP, Standards Malaysia, 2013*
- iv. Garis Panduan Skim Akreditasi Program Latihan Pengendali Makanan
- v. *Guideline for HACCP Certification, KKM*


AGENDA KURSUS FOOD SAFETY TRAINING FOR AUDITOR UNDER ACB-HAZARD ANALYSIS AND CRITICAL CONTROL POINT (HACCP) SCHEME

DATE/ DAY	TIME	TOPIC
Day 1	8.30 am – 8.45 am	Course registration
	8.45 am – 9.00 am	Course introduction
	9.00 am – 10.30 am	Food Act 1983 and Food Regulations 1985
	10.30 am – 11.00 am	Tea break
	11.00 am – 1.00 pm	Food Hygiene Regulations 2009
	1.00 pm – 2.00 pm	Lunch break
	2.00 pm – 5.00 pm	HACCP elements
	5.00 pm	Tea break
Day 2	8.30 am – 10.30 am	Continue - HACCP elements
	10.30 am – 11.00 am	Tea Break
	11.00 am – 1.00 pm	Exercise/ Case study
	1.00 pm – 2.00 pm	Lunch Break
	2.00 pm – 3.00 pm	Continue - HACCP elements
	3.00 pm – 4.00 pm	Exercise/ Case study
	4.00 pm – 5.00 pm	Continue - HACCP elements
	5.00 pm	Tea Break
Day 3	8.30 am – 9.30 am	HACCP Certification Scheme- Ministry of Health
	9.30 am – 10.30 am	Revision and discussion
	10.30 am – 11.00 am	Tea Break
	11.00 am – 1.00 pm	Continue - Revision and discussion
	1.00 pm – 2.00 pm	Lunch Break
	2.00 pm – 5.00 pm	Examination


**AGENDA KURSUS FOOD SAFETY TRAINING FOR AUDITOR UNDER ACB-GOOD
MANUFACTURING PRACTICES (GMP) SCHEME**

DATE/DAY	TIME	TOPIC
Day 1	8.30 am – 8.45 am	Course Registration
	8.45 am – 9.00 am	Course introduction
	9.00 am – 10.30 am	Food Act 1983 and Food Regulations 1985
	10.30 am – 11.00 am	Tea Break
	11.00 am – 1.00 pm	Food Hygiene Regulations 2009
	1.00 pm – 2.00 pm	Lunch Break
	2.00 pm – 5.00 pm	GMP elements
	5.00 pm	Tea Break
Day 2	9.00 - 10.30 am	Continue - Element GMP / MS1514
	10.30 -11.00 am	Tea Break
	11.00 - 1.00 pm	Continue - Element GMP / MS1514
	1.00 - 2.00 pm	Lunch Break
	2.00 - 5.00 pm	Assignment / Case Study
	5.00 pm	Tea Break
Day 3	8.30 am – 9.30 am	GMP Certification Scheme- Ministry of Health
	9.30 am – 10.30 am	Revision and discussion
	10.30 am – 11.00 am	Tea Break
	11.00 am – 1.00 pm	Continue - Revision and discussion
	1.00 pm – 2.00 pm	Lunch Break
	2.00 pm – 5.00 pm	Examination

**CARTA ALIR FOOD SAFETY TRAINING FOR AUDITOR UNDER
ACB-HACCP/ GMP SCHEME**



CARTA ALIR PEMBAHARUAN SIJIL *FOOD SAFETY TRAINING FOR AUDITOR* UNDER *ACB-HACCP/GMP SCHEME*



LAMPIRAN (D)

**BORANG PERMOHONAN PEMBAHARUAN SIJIL FOOD SAFETY TRAINING FOR
AUDITOR UNDER ACB- HACCP/ GMP SCHEME**

BUTIRAN JURUAUDIT:			
NAMA JURUAUDIT :		NO. KAD PENGENALAN :	
_____		_____	
NO. RUJUKAN SIJIL LAMA :		TARIKH TAMAT TEMPOH SIJIL :	
_____		_____	
AUDIT LOG:			
TAHUN AUDIT	NAMA KILANG		JENIS PENSIJILAN (HACCP / GMP)
<i>(Sila gunakan lampiran sekiranya ruang tidak mencukupi)</i>			
PERAKUAN JURUAUDIT:			
Saya memperakui bahawa maklumat yang dinyatakan adalah benar.		Disahkan Oleh (Ketua):	
Tandatangan:		Tandatangan:	
Cop rasmi:		Cop rasmi:	
Tarikh:		Tarikh:	

LAMPIRAN (E)

BORANG PERMOHONAN PEPERIKSAAN ULANGAN BAGI FOOD SAFETY TRAINING FOR AUDITOR UNDER ACB- HACCP/ GMP SCHEME

BUTIRAN CALON:			
NAMA	:	_____	NO. KAD PENGENALAN :
		_____	_____
ALAMAT SURAT-MENYURAT	:	_____	EMEL :
		_____	_____
		_____	_____
KOD PEPERIKSAAN	:	HACCP/02/ _____	TARIKH PEPERIKSAAN YANG AKAN DIDUDUKI :
		GMP/02/ _____	_____
		<input type="text"/>	
		<input type="text"/>	
BUTIRAN BAYARAN:			
No. Rujukan bank draf/ kiriman wang/ wang pos			
PERAKUAN PEMOHON:			
Saya memperakui bahawa maklumat yang dinyatakan adalah benar.		Disemak Oleh (Sekretariat):	
Tandatangan:		Tandatangan:	
Cop rasmi:		Cop rasmi:	
Tarikh:		Tarikh:	

**Sila kemukakan borang ini melalui pos atau emel kepada ifstc@moh.gov.my.*

BORANG AKU JANJI PERSETUJUAN SYARAT-SYARAT PEPERIKSAAN BAGI FOOD SAFETY TRAINING FOR AUDITOR UNDER ACB-HACCP/GMP SCHEME, STANDARDS MALAYSIA

Saya dengan ini memperakui telah membaca dan memahami syarat-syarat kursus seperti dinyatakan dalam Garis Panduan *Food Safety Training for Auditor under ACB-HACCP/ GMP Scheme, Standards Malaysia* dan syarat-syarat peperiksaan bagi kursus tersebut seperti berikut:

BIL	SYARAT UJIAN	SILA TANDA (√)
1	Peperiksaan ini adalah dijalankan selama tiga (3) jam sahaja.	
2	Soalan peperiksaan adalah merangkumi tajuk-tajuk dalam syarahan yang telah disampaikan.	
3	Calon dibenarkan untuk merujuk nota, <i>internet</i> dan sumber rujukan lain semasa menjawab soalan. Namun, perbincangan antara rakan adalah DILARANG.	
4	Calon boleh menjawab dalam bahasa Melayu atau bahasa Inggeris mengikut keselesaan.	
5	Jawapan perlu ditulis di muka kertas jawapan yang baru bagi setiap soalan yang berbeza.	
6	Calon perlu menulis angka giliran di setiap helai kertas jawapan.	
7	Markah lulus adalah 80% merangkumi jumlah keseluruhan markah.	
8	Keputusan peperiksaan adalah muktamad dan SEBARANG RAYUAN TIDAK AKAN DILAYAN samada untuk menyemak semula atau mendapatkan salinan kertas jawapan yang telah ditanda.	
9	Sijil <i>Food Safety Training for Auditor under ACB-HACCP/ GMP Scheme</i> hanya akan diberikan kepada calon yang lulus sahaja. TIADA sijil penyertaan/ kehadiran akan diberikan. Calon boleh menggunakan resit pembayaran kursus dan rekod kedatangan sebagai bukti kehadiran.	

Nama : _____
Tandatangan : _____
Angka Giliran : _____
Tarikh : _____

**Sila kembalikan semula borang yang telah ditandatangani kepada urusetia. Terima kasih atas kerjasama anda.*

PENGHARGAAN

Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan, Kementerian Kesihatan Malaysia ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada pegawai-pegawai berikut yang bertanggungjawab dalam menjayakan garis panduan ini.

Penaung

Noraini Dato' Mohd Othman

Penasihat

Mohd Salim Dulatti

Ketua Editor

Mohd Khairuddin Mohd Talib

Editor

Faridah Malik Shari

Faiza Ismail

Turut Membantu

Jamilah bt. Hj. Salikin

Siti Asah Md Dali